

UJIAN PERTENGAHAN TAHUN 2021
SEKOLAH RENDAH ISLAM INDERA MAHKOTA
SAINS / 018



1 JAM

TAHUN 6


NAMA :

KELAS :

Kertas peperiksaan ini mengandungi soalan **objektif** dan **subjektif**.
Jawab **semua** soalan.

1. Antara berikut yang manakah **bukan** kemahiran proses sains?
 - A. Mengelas
 - B. Mentafsir data
 - C. Mengawal pemboleh ubah
 - D. Membersihkan peralatan eksperimen
2. Antara berikut yang manakah **melanggar** peraturan bilik sains?
 - A. Mengemas bilik sains sebelum keluar.
 - B. Menjalankan eksperimen mengikut arahan guru.
 - C. Membuang sampah ke dalam bakul sampah.
 - D. Makan dan minum dalam bilik sains.
3. Abdul Halim merenjiskan beberapa titis air ke atas sekeping roti. Apakah yang akan berlaku kepada roti itu selepas dibiarkan selama 2 minggu di atas meja?
 - A. Roti tersebut akan naik dan mengembang.
 - B. Roti itu akan menjadi keras dan kering.
 - C. Roti itu akan dilitupi oleh tompokan kulat.
 - D. Terdapat protozoa pada roti tersebut.

4. Rajah 1 menunjukkan suatu bentuk interaksi antara haiwan.




Rajah 1

Apakah bentuk interaksi yang di tunjukkan di atas?

- A. Kerjasama
 - B. Persaingan
 - C. Pembiakan
 - D. Perlindungan
5. Berikut merupakan cara untuk mengatasi masalah haiwan yang diancam kepupusan, **kecuali**
- A. mewujudkan pameran haiwan-haiwan liar
 - B.ewartakan hutan simpan
 - C. mengenakan denda kepada pemburuan haram
 - D. mewujudkan pusat rehabilitasi
6. Keadaan apakah yang akan merencatkan atau melambatkan pertumbuhan bakteria?
- A. Keadaan yang lembap
 - B. Keadaan yang sangat berasid
 - C. Suhu sekitar 37°C
 - D. Keadaan yang gelap


7. Apakah yang dimaksudkan dengan **daya**?



- A. Merupakan tarikan atau tolakan yang bertindak ke atas sesuatu objek
 - B. Kepantasan sesuatu objek bergerak dari satu tempat ketempat lain.
 - C. Daya yang melawan gerakan pada dua permukaan yang bersentuhan
 - D. Tarikan yang boleh mengubah arah
8. Berdasarkan pilihan di bawah adalah kesan daya terhadap objek **kecuali**
- A. Daya mengubah bentuk objek
 - B. Daya mengubah arah pergerakan objek
 - C. Daya mengubah jisim objek
 - D. Daya memberhentikan objek yang bergerak
9. Antara berikut yang manakah bahan tidak terbiodegrasi?
- A. Ranting kayu
 - B. Sisa toksik
 - C. Sisa makanan
 - D. Kotak kertas
10. Apakah kesan pembuangan bahan buangan tidak terbiodegradasi secara tidak berhemah?
- A. Longkang bersih
 - B. Selamat daripada demam denggi
 - C. Sukar dijangkiti penyakit
 - D. Banjir kilat

UNIT 3 : MIKROORGANISMA


A. Berdasarkan rajah di bawah, tentukan jenis mikroorganisma tersebut.



B. Baca pernyataan berikut dan tulis jawapan anda dalam petak yang disediakan dengan merujuk rajah di atas.

a) Mikroorganisma yang paling kecil dan hanya boleh dilihat di bawah mikroskop elektron.	
b) Mikroorganisma ini boleh ditemui dalam kolam, tasik dan sungai.	
c) Wujud dalam pelbagai bentuk, saiz dan warna.	
d) Boleh membuat makanan sendiri melalui proses fotosintesis.	
e) Mikroorganisma yang digunakan untuk menghasilkan yogurt.	

Rajah menunjukkan makanan yang memerlukan sejenis mikroorganisma untuk mengembang.



- Apakah nama mikroorganisma yang digunakan dalam penghasilan roti?
_____ (fungi/bakteria/alga)
- Nyatakan proses hidup mikroorganisma tersebut yang menyebabkan roti mengembang.
_____ (bertumbuh/bernafas/bergerak)
- Nyatakan makanan lain yang menggunakan YIS dalam pembuatan makanan.
_____ (Keju/Tapai./Dadih)

PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN

1. Berdasarkan pilihan jawapan di bawah, nyatakan maksud :


mengembalikan haiwan dan tumbuhan kepada keadaan asal

mengekalkan keadaan asal haiwan dan tumbuhan daripada musuh

a) Pemeliharaan :

b) Pemuliharaan :

2. Rajah di bawah menunjukkan bilangan haiwan X di kawasan hutan tertentu dari tahun 2014 hingga 2017.



a) Berdasarkan carta palang di atas, kenal pasti :

i. pemboleh ubah dimanipulasikan (apa yang diubah ?).

ii. pemboleh ubah bergerak balas (apa yang diperhatikan ?).

b) Nyatakan **tujuan** kamu berdasarkan maklumat di atas.

Untuk mengkaji hubungan di antara _____ dan

_____.

c) Apakah **corak perubahan** bilangan haiwan X ?

d) Bina satu **kesimpulan** berdasarkan maklumat carta palang di atas.

Semakin bertambah _____, semakin

_____.

DAYA

1. Tulis sama ada pernyataan berikut "BETUL" atau "SALAH".

- (a) Daya tarikan ialah daya yang menggerakkan sesuatu objek mendekati kita.
- (b) Daya tarikan menyebabkan sesuatu objek yang bergerak menjadi pegun.
- (c) Daya tarikan diperlukan untuk menaikkan bendera pada tiang bendera.
- (d) Semasa seseorang menggergaji kayu, dia mengenakan daya tarikan dan daya tolakan.
- (e) Tindakan seorang budak lelaki meregangkan spring menyebabkan daya tolakan dikenakan ke atas spring itu.
- (f) Aktiviti seorang budak bermain layang-layang melibatkan daya tarikan dan tolakan.

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

tenaga	kecil	bersentuhan
sukar	melawan	perlahan

- (a) Daya geseran ialah daya yang terhasil apabila dua permukaan _____ antara satu sama lain.
- (b) Daya geseran merupakan suatu bentuk _____.
- (c) Arah tindakan daya geseran adalah _____ arah pergerakan objek.
- (d) Daya geseran menyebabkan pergerakan sesuatu objek menjadi semakin _____.
- (e) Objek yang ditolak di atas permukaan yang licin lebih senang digerakkan kerana daya geseran adalah _____.
- (f) Objek yang berat lebih _____ digerakkan berbanding dengan objek yang ringan kerana daya geseran yang bertindak adalah lebih besar.

KAEDAH PENGAWETAN MAKANAN

Padankan jenis makanan berikut dengan kaedah pengawetan yang betul



- Kaedah mengeringkan makanan dengan cara mengasapnya dalam tempoh masa yang lama.



- Kaedah mengeluarkan atau menyingkirkan kebanyakan air daripada makanan



- Kaedah menyimpan makanan pada suhu takat beku (0°C) dan ke bawah



- Menyalut buah-buahan dengan lilin cair untuk mencegah pertumbuhan mikroorganisma di permukaannya



- Melibatkan proses mendidihkan makanan untuk membunuh mikroorganisma. Makanan kemudiannya disejukkan dan dimasukkan ke dalam bekas kedap udara



- Proses merendam makanan dalam larutan garam dan gula. Keasidan dan kepekatan garam yang tinggi menjadikan keadaan tidak sesuai untuk mikroorganisma bertumbuh atau membiak



- Proses mengeluarkan semua udara daripada bekas atau pembungkus makanan

... KERTAS SOALAN TAMAT ...